

Sesuaikan hidup dengan kemampuan

22 APR 1980

Oleh HAFIFI HAFIDZ

KUALA LUMPUR, Isnin — Rakyat dan negara tidak akan menikmati apa yang dicita-citakan jika tidak melakukan sesuatu yang positif bagi menghadapi masalah-masalah yang dicitakan oleh kelembapan ekonomi sekarang.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata perbuatan berdiam diri dan meratapi nasib akan hanya memburukkan lagi keadaan ekonomi negara dan nasib mereka.

Sebaliknya, kata beliau, rakyat hendaklah belajar hidup mengikut kemampuan dan bersedia melakukan kerja-kerja baru untuk terus memperoleh pendapatan, terutama ketika harga komoditi masih rendah.

Kegagalan berbuat demikian akan mendorong mereka bergantung kepada bantuan semata-mata untuk terus hidup bergaya seperti pada waktu mewah.

Ini, kata Perdana Menteri, mungkin menjadikan Malaysia sebuah lagi negara yang bergantung kepada bantuan antarabangsa untuk terus hidup.

"Rakyat negara ini mesti ada harga diri. Kita mesti menghadapi hakikat sebenar dan berusaha bersungguh-sungguh dan secara teratur bagi mengatasi masalah-masalah akibat kejatuhan harga barangan," katanya.

Perdana Menteri berkata demikian ketika merasmikan seminar kebangsaan komoditi anjuran Kementerian Perusahaan Utama di sini.

Katanya, langkah-langkah perlu harus diambil seperti mempertingkatkan pembabitan negara dalam industri pembuatan dan tidak terus bergiat dalam sektor pengeluaran barangan mentah semata-mata kerana permintaannya semakin kurang.

Kraftangan

Katanya, bidang pembuatan adalah yang yang paling menguntungkan, terutama dari segi persaingan, tetapi peralihan daripada satu kegiatan tidak akan menjamin hasil yang cepat.

"Kerajaan sedang berusaha menggalakkan pelancongan tetapi setelah bertahun-tahun berusaha baru hasilnya diperolehi," katanya.

Tambah beliau, pelbagai kegiatan baru yang mungkin diceburi seperti skim rumah murah yang diramalkan akan membantu pertumbuhan dua peratus, juga tidak akan dicapai dengan serta merta.

Menyentuh industri kraftangan yang dianggap sebagai satu kegiatan semasa yang berpotensi dan boleh digalakkan dengan cepat, Perdana Menteri berkata, selain permintaan yang meningkat, ia juga memerlukan tenaga buruh kasar.

"Jika semua usaha itu gagal, kita terpaksa belajar hidup dengan apa jua pendapatan yang diperolehi," katannya.